



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PENGARUH SIKAP DAN CARAGAYA KEBAPAAN TERHADAP
SALAH LAKU REMAJA MELAYU BERSEKOLAH**

KHUZAIMAH ZAKARIA

FEM 2001 5

**PENGARUH SIKAP DAN CARAGAYA KEBAPAAN TERHADAP
SALAH LAKU REMAJA MELAYU BERSEKOLAH**

Oleh

KHUZAIMAH ZAKARIA

**Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi keperluan untuk
Ijazah Sarjana Sains di Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia**

Jun 2001



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains.

**PENGARUH SIKAP DAN CARAGAYA KEBAPAAN TERHADAP
SALAH LAKU REMAJA MELAYU BERSEKOLAH**

Oleh

KHUZAIMAH BT ZAKARIA

Jun 2001

Pengerusi: Profesor Madya Dr. Rozumah Baharudin

Fakulti: Ekologi Manusia

Kajian ini bertujuan untuk menentukan sikap dan caragaya kebapaan, perkaitan dan sumbangannya terhadap salah laku remaja Melayu bersekolah di bandar. Kajian ini telah dijalankan di beberapa buah sekolah di sekitar daerah Seremban, Negeri Sembilan. Teknik persempelan bertujuan telah digunakan untuk mengenalpasti sampel kajian yang terdiri daripada 250 pelajar salah laku, tingkatan empat berbangsa Melayu yang tinggal bersama bapa. Maklumat sikap dan caragaya bapa dikenalpasti melalui persepsi remaja dengan menggunakan borang soal selidik. Sikap kebapaan diukur menggunakan *Parental Bonding Instrumen* (Parker et al., 1994). Caragaya kebapaan di ukur menggunakan *Parental Authority Questionnaire* (Buri, 1994) dan salah laku



remaja diukur menggunakan skala *Achenbach's Delinquency* (Vazsongyi et.al., 1997). Data yang diperolehi dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Science for Windows (SPSS for Windows)*. Ujian-t, Ujian ANOVA Satu hala serta *Pos Hoc Scheffe*, Pekali Korelasi Pearson dan Analisis Regresi Berganda (*stepwise*) telah digunakan untuk menguji hipotesis kajian. Kajian mendapati 52.4% tahap salah laku responden adalah diperingkat sederhana. Hasil Ujian-t menunjukkan tiada perbezaan signifikan tahap salah laku antara remaja Melayu bersekolah lelaki dan perempuan. Tiada perbezaan signifikan tahap salah laku antara remaja Melayu bersekolah aliran sains dan kemanusiaan. Ujian-t juga menunjukkan tiada perbezaan signifikan tahap salah laku remaja Melayu bersekolah antara bapa bersikap prihatin dengan bapa bersikap mengongkong. Ujian ANOVA Satu Hala menunjukkan terdapat perbezaan signifikan ($F=3.18, p \leq 0.05$) tahap salah laku remaja Melayu bersekolah antara bapa autoritarian dengan bapa autoritatif dan permisif. Ujian Pekali Pearson menunjukkan tiada perkaitan signifikan tahap salah laku remaja Melayu bersekolah dengan umur, pendidikan dan pendapatan bapa. Bagaimanapun Ujian Regresi Berganda (*stepwise*) mendapati lima pembolehubah bebas mempunyai perkaitan dan menyumbang (18.8%) secara signifikan ($p \leq 0.05$) terhadap salah laku remaja Melayu, iaitu caragaya bapa

autoritarian ($\beta=0.29$, $t=4.37$, $p\leq 0.05$), menyumbang 7.8%. Sikap mengongkong ($\beta=0.25$, $t=4.29$, $p\leq 0.05$), menyumbang 5.4%. Caragaya permisif ($\beta=0.15$, $t=2.57$, $p\leq 0.05$), menyumbang 2.3%. Caragaya autoritatif mengurangkan salah laku ($\beta= -0.16$, $t=-2.510$, $p\leq 0.05$), menyumbang 1.8%. Bilangan anak dalam keluarga ($\beta=0.13$, $t=2.17$, $p\leq 0.05$), menyumbang 1.6%. Hasil kajian merumuskan bahawa sikap dan caragaya kebapaan memberi kesan dan mempengaruhi perbuatan salah laku di kalangan remaja Melayu bersekolah. Kesimpulannya, bapa perlu memainkan peranan efektif untuk membantu menangani tingkah laku delinkuen di kalangan remaja Melayu bersekolah.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia
in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science.

**THE INFLUENCE OF ATTITUDE AND PATERNAL PARENTING
STYLE TOWARDS THE DELINQUENCY OF THE ADOLESCENT
MALAY STUDENTS.**

By

KHUZAIMAH ZAKARIA

June 2001

Chairman: Associate Professor Dr. Rozumah Baharudin

Faculty: Human Ecology

This study determines the paternal attitude and paternal parenting style and their relationship and contributions towards the Malay adolescent's delinquency behaviour. The study was conducted in several school in the district of Seremban, Negeri Sembilan.

The purposive sampling technique was utilised in identifying 250 students with delinquency behaviour who were presently in form four and staying with their father. Data for the study were collected by questionnaire. The paternal attitude was measured using Parental Bonding Instrument (Parker et al., 1994), while Parental Authority Questionnaire (Buri, 1994) was used to measure the paternal parenting style. The level of adolescents delinquency was measured using Achenbach's Delinquency Scale (Vazsongyi et.al.,1997). Data

collected were analysed using “the Statistical Package for the Social Science for Windows” (SPSS for Windows). The Pearson Correlation, One-Way ANOVA with Post Hoc Scheffe and the Multiple Regression (Stepwise) were used to test the hypotheses of the study. Results showed that 52.4% of the respondents were in the medium level of delinquency. T-test showed that there was no significant difference in the level of delinquency between Malay girls and boys. There was also no significant difference in the level of delinquency between students from science stream and humanities. T-test also showed that there was no significant difference in the level of delinquency between adolescent with concern fathers and those with controlling fathers.

The One-Way ANOVA showed that there is significant difference ($F=3.18$, $p\leq 0.05$) in the level of delinquency among adolescents with authoritarian, authoritative and permissive fathers. The Pearson correlations analyses showed that there were no significant relationships between paternal background (age, educational level and income) and the adolescent’s delinquency level. However the Multiple Regression Analyses indicated five predictors that have significant relationship ($p\leq 0.05$) and contributed 18.8% towards the level of the Malay adolescent delinquency. The authoritarian paternal parenting style contributed 7.8% ($\beta=29$, $t=4.37$, $p\leq 0.05$), while the controlling attitude contributed 5.4% ($\beta=0.25$, $t=4.29$, $p\leq 0.05$). Paternal

permissive parenting style contributed 2.3% ($\beta=0.15$, $t=2.57$, $p\leq 0.05$) and paternal authoritative parenting style contributed 1.8% ($\beta=-0.16$, $t=-2.5$, $p\leq 0.05$). The number of children in the family contributed 1.6% ($\beta=0.13$, $t=2.17$, $p\leq 0.05$) towards the delinquency of Malay students. The study concludes that attitude and paternal parenting style influenced the Malay adolescents level of delinquency behaviour. As such fathers should play a more effective role in helping to combat delinquent behaviours among Malay adolescent students.

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah

Lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan izinnya dapat disempurnakan tesis ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diberikan kepada Jawatan Kuasa Penasihat Tesis yang terdiri daripada Prof. Madya Dr. Rozumah Baharudin (Pengerusi), Dr. Rumaya Juhari dan Prof. Madya Dr. Abdullah Al-Hadi Hj. Mohamed, yang banyak memberi bimbingan dan nasihat bagi menjayakan tesis ini.

Penghargaan yang tidak terhingga kepada Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah menyediakan biasiswa dan peluang untuk melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana Sains dalam bidang *parenting* di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia.

Penghargaan dan ucapan terima kasih juga kepada Bahagian Risikan Jenayah, Bukit Aman, Kuala Lumpur; Bahagian

Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia; Jabatan Kebajikan Masyarakat; Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan; Pengetua, Guru Hal Ehwal Murid (HEM), guru disiplin dan pelajar-pelajar yang terlibat dari Sek. Men. Keb. Dato' Sheikh Ahmad, Sek. Men. Keb. Senawang, Sek. Men. Keb. Pendeta Za'aba, Sek. Men. Dato' Hj. Mohd Redza, Sek. Men. Keb. Labu, Sek. Men. Keb. Datuk Mohd said dan Sek. Men. Keb. Seri Ampangan (kesemuanya di Negeri Sembilan) di atas kerjasama dan kebenaran yang diberikan untuk menjalankan kajian ini.

Tidak ketinggalan saya rakamkan rasa terhutang budi dan terima kasih kepada orang perseorangan, terutamanya Dr. Maznah Baba dan Puan Rojanah Kahar. Rakan-rakan seperjuangan, Puan Teh Fui Khim dan Puan Zaiton Mohd Nor yang turut memberi idea dan perangsang sehingga berjaya menyiapkan tesis ini.

Akhir sekali terima kasih kepada suami (Abdul Rahim), yang turut membantu menggerakkan semangat dalam menyiapkan tesis ini. Juga kepada anak-anak yang tersayang Afham, Anis dan Sofea yang banyak kehilangan tumpuan dalam masa kesibukan emak menyiapkan tesis. Pengorbanan mereka


mengukuhkan lagi azam dan tidak akan dilupa sampai bila-bila. Seterusnya kepada abang Harun, abang Abdullah, abang Pauzi kakak Rokiah, kakak Nuziah serta adik Latipah yang sering mendoakan kejayaan saya di sepanjang pengajian ini.

Semoga semuanya dirahmati Allah.

Terima Kasih.

Khuzaimah Zakaria.

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberikan penghargaan didalam tesis. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau Institusi-Institusi lain.



Khuzaimah bt Zakaria

Tarikh: 8.6.2001

SENARAI KANDUNGAN

| | Muka Surat |
|--|------------|
| ABSTRAK | i |
| ABSTRACT | iv |
| PENGHARGAAN | vii |
| PENGESAHAN | x |
| PENGAKUAN | xii |
| SENARAI JADUAL | xvi |
| SENARAI RAJAH | xviii |
| | |
| BAB | |
| 1 PENDAHULUAN | |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Kenyataan Masalah | 18 |
| 1.3 Kepentingan Kajian | 18 |
| 1.4 Kerangka Teori | 21 |
| 1.5 Kerangka Kerja Konseptual | 27 |
| 1.6 Objektif Kajian | 29 |
| 1.6.1 Objektif Am | 29 |
| 1.6.2 Objektif Khusus | 29 |
| 1.7 Hipotesis Kajian | 30 |
| 1.8 Definisi Istilah | 31 |
| 1.8.1 Sikap Kebapaan | 31 |
| 1.8.2 Caragaya Kebapaan | 31 |
| 1.8.3 Remaja Sekolah | 31 |
| 1.8.4 Salah Laku Remaja | 32 |
| 1.9 Limitasi Kajian | 32 |
| | |
| 2 PENULISAN SEMULA KARYA BERTULIS | |
| 2.1 Pengenalan | |
| 2.1.1 Peranan dan Kepentingan Bapa | 34 |
| 2.1.2 Latar Belakang Bapa dan Salah Laku Remaja | 36 |
| 2.1.3 Sikap Bapa dan Salah Laku Remaja | 41 |
| 2.1.4 Caragaya Bapa dan Salah Laku Remaja | 43 |
| 2.1.5 Latar Belakang Remaja dan Perbuatan Salah Laku | 46 |
| 2.1.6 Rumusan | 49 |

| | | |
|-------|--|----|
| 3 | METODOLOGI | |
| 3.1 | Rekabentuk Kajian | 51 |
| 3.2 | Lokasi Kajian | 52 |
| 3.3 | Pemilihan Sampel | 53 |
| 3.4 | Pengukuran Angkubah | 54 |
| 3.4.1 | Maklumat Latar Belakang Remaja | 55 |
| 3.4.2 | Maklumat Latar Belakang Bapa | 55 |
| 3.4.3 | Sikap Kebapaan | 55 |
| 3.4.4 | Caragaya Kebapaan | 57 |
| 3.5 | Kajian Rintis | 59 |
| 3.6 | Prosedur Pengumpulan Data | 60 |
| 3.7 | Ujian Reliabiliti Skala | 60 |
| 3.8 | Analisis Data | 61 |
| 4 | HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN | |
| 4.1 | Pengenalan | 63 |
| 4.2 | Analisa Deskriptif | 64 |
| 4.2.1 | Maklumat Profil Responden Remaja | 64 |
| 4.2.2 | Latar Belakang Bapa | 65 |
| 4.2.3 | Sikap Bapa | 68 |
| 4.2.4 | Caragaya Kebapaan | 71 |
| 4.3 | Analisa Infrensi | 73 |
| 4.3.1 | Perbandingan Tahap salah Laku Remaja Melayu Bersekolah Berdasarkan Jantina | 74 |
| 4.3.2 | Perbandingan Tahap Salah Laku Remaja Melayu Bersekolah Berdasarkan Aliran Pengajian | 76 |
| 4.3.3 | Perbandingan Tahap Salah Laku Remaja Melayu Bersekolah Berdasarkan Sikap Bapa | 78 |
| 4.3.4 | Perbandingan Tahap salah Laku Remaja Melayu Bersekolah Berdasarkan Caragaya Kebapaan | 80 |
| 4.3.5 | Perkaitan Antara Latar Belakang Bapa Dengan Salah Laku Remaja | 83 |
| 4.3.6 | Pembolehubah Yang Menjadi Peramal Terbaik Dalam Menentukan Salah laku Remaja Melayu Bersekolah | 87 |
| 4.4 | Rumusan | 96 |
| 4.5 | Rumusan Hasil Kajian | 97 |

| | |
|--|-----|
| 5 RUMUSAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN | |
| 5.1 Rumusan | 99 |
| 5.2 Kesimpulan Kajian | 107 |
| 5.3 Implikasi kajian | 110 |
| 5.4 Cadangan Untuk Kajian Akan Datang | 115 |
| | |
| BIBLIOGRAFI | 117 |
| | |
| LAMPIRAN | |
| A: Borang Soal selidik | 128 |
| B1: Surat Menjalankan Kajian Ke Sekolah-Sekolah di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia | 138 |
| B2: Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Daripada Fakulti | 140 |
| B3: Surat Kebenaran Menjalankan Kajian ke Sekolah-Sekolah di Daerah Seremban | 141 |
| B4: Surat Kebenaran Mendapatkan Maklumat Daripada Jabatan Siasatan Jenayah, Bukit Aman, Kuala Lumpur | 143 |
| | |
| BIODATA PENULIS | 144 |

SENARAI JADUAL

Muka Surat

| | | |
|------------|--|----|
| Jadual 1.1 | Kategori Jenis Salah Laku Pelajar Sekolah Di Malaysia | 6 |
| Jadual 1.2 | Jenis Salah Laku dan Bilangan Pelajar Sekolah Menengah Terlibat dari Tahun 1997-1999 | 7 |
| Jadual 1.3 | Bilangan Serta Peratus Murid Sekolah Menengah Terlibat dengan Salah Laku Tahun 1992-1999 | 8 |
| Jadual 1.4 | Perangkaan Kes-Kes yang Melibatkan Pelajar Dalam Jenayah | 9 |
| Jadual 1.5 | Punca Salah Laku Pelajar Sekolah Menengah | 12 |
| Jadual 1.6 | Latar Belakang Keluarga, Bilangan Serta Peratus Murid Sekolah Terlibat dengan Salah Laku | 17 |
| Jadual 3.1 | Taburan Sampel Mengikut Sekolah, Jantina dan Aliran Pengajian | 53 |
| Jadual 3.2 | Nilai Alpha Instrumen Kajian (Kajian Rintis) | 59 |
| Jadual 3.3 | Kebolehpercayaan Instrumen Kajian | 61 |
| Jadual 4.1 | Profil Responden Remaja | 64 |
| Jadual 4.2 | Interpretasi skor Min Tahap Salah Laku Remaja Bersekolah | 66 |
| Jadual 4.3 | Frekuensi dan Peratusan Pelajar Berdasarkan Tahap Salah Laku | 66 |
| Jadual 4.4 | Kekerapan Remaja Menimbulkan Masalah di Sekolah | 67 |
| Jadual 4.5 | Maklumat Latar Belakang Bapa | 69 |
| Jadual 4.6 | Sikap Bapa | 72 |
| Jadual 4.7 | Caragaya Kebapaan | 74 |

| | | |
|-------------|--|----|
| Jadual 4.8 | Ujian-t Perbandingan Tahap Salah Laku Berdasarkan Jantina | 75 |
| Jadual 4.9 | Ujian-t Perbandingan Tahap Salah Laku Berdasarkan Aliran Pengajian | 77 |
| Jadual 4.10 | Ujian-t Perbandingan Salah Laku Berdasarkan Sikap Kebapaan | 79 |
| Jadual 4.11 | Ujian ANOVA Sehalu Perbandingan Tahap salah Laku Berdasarkan Caragaya Kebapaan | 81 |
| Jadual 4.12 | Ujian Scheffe Perbandingan Tahap Salah Laku Berdasarkan Caragaya Kebapaan | 82 |
| Jadual 4.13 | Korelasi antara Latar Belakang Bapa dengan Salah Laku Remaja | 85 |
| Jadual 4.14 | Analisis Regresi Berganda (Stepwise) Bagi Pembolehubah Bebas yang Mempengaruhi Perbuatan Salah Laku Remaja Melayu Bersekolah | 89 |
| Jadual 4.15 | Analisis Varians | 92 |
| Jadual 4.16 | Rumusan Hasil Kajian Mengikut Hipotesis | 97 |

SENARAI RAJAH

| | Muka Surat |
|---|------------|
| Rajah 1: Kerangka Kerja Konseptual Kajian Pengaruh Sikap dan Caragaya Kebapaan Terhadap Salah Laku Remaja Melayu Bersekolah | 28 |

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Beberapa kajian terdahulu menunjukkan ada perkaitan di antara sikap dan caragaya bapa dengan perbuatan salah laku di kalangan remaja (contoh: Weiss & Schwarz, 1996; Barnett, Quackenbush & Sinisi, 1996; Salt, 1991). Bapa adalah agen sosialisasi yang paling signifikan dalam perkembangan remaja. Selain daripada memberi perlindungan di dalam dan di luar unit keluarga, bapa juga bertanggungjawab terhadap nilai sosial, moral dan etika bertinghahlaku di kalangan remaja (Simons, Johnson, Beaman, Conger & Whitbeck, 1996; Sroufe, 1991).

Pengkaji-pengkaji lain seperti Paternoster dan Mazerolle (1994), Brendgen, Vitaro dan Bukowski (1998) menegaskan persekitaran keluarga yang tidak memuaskan mendorong remaja melibatkan diri dalam tingkah laku salah laku. Remaja yang lari dari rumah telah didapati didorong oleh krisis rumah tangga seperti perceraian atau perpisahan ibu bapa (Edwards, 1996).

Sikap dan caragaya kebapaan boleh mempengaruhi perkembangan tingkah laku dan personaliti anak dari peringkat awal kelahiran

hinggalah meningkat remaja dan dewasa (Lamb, 1997; Smith & Krohn, 1995; Mak, 1994). Pengalaman awal seseorang dalam proses interaksi sosial akan mempengaruhi sikap terhadap orang lain dan juga bagaimana mereka menyesuaikan diri dengan persekitarannya (Berk, 1999; Kasmini, 1998; Mohd Tajuddin, 1995; Rokiah, 1995). Penland dan Darling (1996) menjelaskan bahawa sikap bapa yang prihatin mempunyai kaitan secara langsung dengan tingkah laku positif remaja. Sebaliknya sikap bapa yang mengongkong dan autoritarian mendorong remaja terlibat dengan perbuatan salah laku (Scott & Shaw, 1991).

Dalam proses perkembangan remaja, tingkah laku bapa boleh menjadi model yang penting untuk dicontohi (Pleck & Pleck, 1997). Bapa yang mesra dan banyak memberi perangsang biasanya akan membentuk anak yang bahagia dan bersopan santun (Doherty, Kouneski & Erikson, 1998; Atkinson & Blackwelder, 1993; Shaw & Scott, 1991). Sebaliknya bapa yang dingin, keras dan tegas cenderung untuk membentuk remaja yang suka melawan dan nakal. Pada masa yang sama, remaja yang mempunyai bapa yang demikian juga merasakan diri mereka tidak diterima, terasing dan tidak selamat (Speicher, 1992).

Alam remaja merupakan satu peringkat perkembangan yang penting dalam kehidupan seseorang individu kerana ia merupakan satu jangka masa peralihan dari alam kanak-kanak ke alam dewasa. Haris dan Marmer (1996) menggambarkan alam remaja sebagai satu jangka masa 'pancaroba' yang berpunca daripada pertumbuhan fizikal yang pesat.

Montemayor dan Hosley (1996) pula menyatakan bahawa remaja lebih seronok menghabiskan masa bersama kawan-kawan di sekolah atau luar sekolah, kerana dengan kawan-kawan remaja lebih suka bercakap, berlawak, melakukan sesuatu dan mengatakan apa sahaja yang dikehendaki. Bersama kawan-kawan juga remaja boleh menguji kebebasan dan identiti mereka yang sedang berkembang. Manakala dalam hal yang berkaitan dengan perbuatan salah laku seperti merokok, ponteng sekolah, mencederakan orang lain atau melakukan jenayah, nilai rakan sebaya kerap kali mengatasi nilai peribadi dan nilai ibu bapa (Berk, 1999).

Peringkat remaja boleh menjadi sukar dan banyak menimbulkan masalah kerana pada peringkat ini remaja berhadapan dengan kekeliruan identiti. Jiwa mereka amat sensitif dan sentiasa dalam keadaan konflik serta mudah mengikut kata hati (Corsini, 1998).

Konflik pada jiwa remaja akan mendorong mereka melakukan percubaan untuk mengalami sesuatu yang lain daripada yang lazim seperti merokok, mengambil dadah, lari dari rumah, melacur dan membunuh diri. Zaman remaja merupakan satu tempoh kehidupan yang diselubungi oleh harapan, cabaran dan ketegangan (Nik Aziz, 1998).

Antara faktor yang memberi sumbangan kepada kegeloraan hidup di zaman remaja ialah mengalami perubahan fizikal yang amat cepat terutama dalam pencapaian kematangan jantina. Kedudukan remaja di anggap sebagai manusia pinggiran dan pada masa yang sama mereka perlu menyediakan diri untuk menghadapi dunia dewasa. Perubahan fizikal dan perkembangan jantina yang dialami oleh remaja boleh menimbulkan rasa tidak selesa, tidak yakin kepada diri, tidak selamat, malu dan segan. Manakala kedudukan sebagai manusia pinggiran ialah remaja tidak lagi dilayan sebagai seorang kanak-kanak dan pada masa yang sama mereka masih belum diterima sebagai orang dewasa (Newman & Newman, 1991).

Menurut Habibah dan Noran Fauziah (1997), proses psikologi yang terlibat dalam salah laku remaja masih tidak difahami sepenuhnya dan ia berbeza antara individu dengan individu yang lain. Namun Biller dan Kimpton (1997) mengatakan bahawa salah laku di

kalangan remaja adalah berkaitan dengan kekurangan perhatian dan bimbingan daripada seorang bapa. Pleck dan Pleck (1997) bersetuju dengan kenyataan Kimpton dan Biller dengan menyatakan bahawa kemesraan dan keprihatinan seorang bapa sangat bermakna kepada remaja untuk membentuk penghargaan sendiri yang tinggi. Dalam kajian Pleck dan Pleck (1997) remaja yang melakukan tindakan salah laku terdiri daripada mereka yang mempunyai penghargaan sendiri yang rendah.

Mengikut Nik Aziz (1998) remaja yang menghayati tingkah laku dan budaya keluarga yang sihat tidak mudah terjebak dengan unsur negatif yang terdapat dalam kumpulan rakan sebaya atau dihanyutkan oleh sebarang proses sosiolisasi yang mementingkan keseronokan semata-mata.

Kehidupan remaja bersekolah banyak dipengaruhi oleh budaya sekolah dan amalan bilik darjah. Sekiranya budaya sekolah hanya mementingkan aspek pembangunan luaran terhadap remaja bersekolah dengan membekalkan maklumat dan kemahiran fizikal, tetapi bukan pembinaan ilmu pengetahuan, pembudayaan ilmu, pembentukan tabiat yang baik atau pendidikan yang bersepadu, maka remaja bersekolah akan menghadapi rintangan yang amat besar dalam proses membina kekuatan sosial yang konstruktif.